

UNISSA - AMBD bincang wakaf melalui RTDW



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong (duduk, empat, kanan) selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD semasa hadir dalam salah satu siri pembentangan dan perbincangan kertas kerja Perbincangan Meja Bulat Wakaf (RTDW).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

GADONG, Isnin, 21 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) dengan kerjasama Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mengadakan Perbincangan Meja Bulat Wakaf (RTDW) sebanyak dua siri, iaitu siri pertama pada 25, 26 dan 28 April 2018, sementara itu, siri kedua pada 9, 10 dan 12 Mei 2018.

Hadir pada siri RTDW kali ini, wakil-wakil agensi kerajaan, swasta, regulator, industri kewangan, NGOs dan institusi pengajian tinggi, iaitu Jabatan Mufti Kerajaan; Tabung Amanah Pekerja (TAP); Attorney General's

Chambers (AGC); Jabatan Perancangan Bandar dan Desa; MuBn Learning and Growth; Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB); Perskutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD); AMBD; Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); al-Furqon Holding (B) Sdn. Bhd.; al-Universiti Brunei Darussalam (UBD); UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, selaku Pengerusi RTDW dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa objektif

perbincangan meja bulat tersebut ialah untuk menyediakan platform yang efektif kepada para ilmuwan, pembuat dasar, dan pelaksana membincangkan wakaf dari pelbagai perspektif.

Selain bertukar idea dan pandangan serta meneroka cara-cara atau kaedah-kaedah bagi memperkasa wakaf, RTDW ini juga diwujudkan bagi tujuan menyediakan pelan tindakan bersesuaian yang proaktif dalam mengurusperdagangan wakaf untuk pihak pemegang taruh (*shareholders*).

Sebanyak 11 kertas kerja dibentangkan dan didiskusikan oleh para akademik dan pengamal industri tempatan juga jemputan dari luar negara, iaitu Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Tajuk-tajuk kertas kerja yang dibentangkan ialah mengenai

'Wakaf' dan Peruntukan Undang-Undang dalam Perintah Akta Majlis Ugama Islam Penggal 84 : Peranan dan Potensinya Masa Kini'; 'Pengenalan dan Sejarah Wakaf di Indonesia'; 'Isu Tanah Wakaf di Negara Brunei Darussalam'; 'Isu Harta Wakaf dari Perspektif Perakaunan dan Kewangan'; 'Cabaran Pengembangan Harta Wakaf'; 'Cabaran Pengembangan Harta Wakaf : Pengalaman Waqaf An-Nur Corporation Berhad Malaysia'; 'Hala Tuju Wakaf Mencapai Wawasan 2035'; 'Waqf as Alternative funding to Achieve Brunei Vision 2035'; 'Pemeriksaan Harta Wakaf'; 'Tadbir Urus Wakaf di Singapura' dan 'Wakaf di Malaysia: Pengurusan Wakaf oleh Yayasan Waqaf Malaysia'.

Inisiatif UNISSA dan AMBD dalam mengadakan RTDW berkenaan mencapai sasaran

objektifnya apabila berhasil mewujudkan satu cadangan pelan tindakan memperkasa dan mengurusperdagangan wakaf sebagai salah satu mekanisme kewangan Islam yang unggul serta penting dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035, sama ada dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Hadir dalam salah satu siri pembentangan dan perbincangan kertas kerja RTDW tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD.

Turut hadir pada siri yang berasingan ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norfarhan bin Haji Zainal bersama Pegawai-pegawai Eksekutif UNISSA lainnya.

JPM bertadarus Al-Quran



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (tiga, kiri) dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned (tiga, kanan) hadir pada Majlis Tadarus Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1439H / 2018M (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri di JPM ketika menyampaikan sumbangan wakaf berupa perkakas keperluan masjid, iaitu *water dispenser*, kipas angin berdiri dan mesin pemotong bunga kepada Imam Masjid Kampung Masin.

MULAUT, Isnin, 21 Mei. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya membuka tirai Majlis Tadarus sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1439H / 2018M, bertempat di Masjid Kampung Masin.

Ia dikelolakan bersama oleh Bahagian Undang-Undang dan Keselamatan di JPM; Jabatan Mufti Kerajaan; Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman Negara dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Masin.

Hadir pada majlis tersebut Menteri di JPM, Yang Berhormat

Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Juga hadir sama, Ketua Hakim Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin;

Timbalan Mufti Kerajaan; Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah; Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan; para pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penduduk kampung sekitar.

Terdahulu ia dimulakan dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa perkakas keperluan masjid, iaitu *water dispenser*, kipas angin berdiri dan mesin pemotong bunga yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM kepada Imam Masjid Kampung Masin.



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

Kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan dan disusuli dengan bacaan Al-Quran dari juzuk 1 hingga 10.

Majlis juga diselajurkan dengan bacaan Tahliil dan Doa Selamat, yang kemudiannya diikuti dengan berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Acara serupa akan diteruskan lagi pada Rabu, 23 Mei di Masjid Kampung Lambak dan pada Sabtu, 26 Mei di Masjid Kampung Scrdang.

Manakala itu, kemuncaknya

Majlis Khatam yang akan diadakan pada Isnin, 28 Mei di Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah, Kampung Kiarong.

Majlis-majlis keagamaan di bulan Ramadan seumpama itu adalah salah satu daripada Aktiviti Tahunan JPM bagi mengertatkan silaturrahim di antara pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid juga penduduk kampung, di samping bagi sama-sama mendapatkan ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala pada bulan mulia ini.